



KERAJAAN MALAYSIA
GOVERNMENT OF MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENTS


2010

OLEH
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BY
ACCOUNTANT GENERAL OF MALAYSIA

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH
PUBLISHED BY AUTHORITY

Surat Penyampaian



KERAJAAN MALAYSIA

1 Oktober 2011

**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 yang telah diaudit untuk dibentang di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Wan Sulaiman', with a horizontal line underneath.

**Datuk Wan Selamah bt. Wan Sulaiman
Akauntan Negara Malaysia**

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam khususnya pihak pengurusan dan semua anggota kerja perkhidmatan perakaunan di Kementerian, Jabatan, Negeri dan Cawangan atas sumbangan, dedikasi dan komitmen yang telah diberikan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010.

Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas kejayaan menghasilkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010 dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit serta dibentang di Parlimen dalam sesi anggaran belanjawan 2012. Kejayaan ini adalah hasil daripada sifat kesetiaan, integriti, mesra pelanggan, profesionalisme dan semangat kerja berpasukan semua pihak.



*Datuk Wan Selamah bt. Wan Sulaiman
Akauntan Negara Malaysia*

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010 disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Parlimen mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan melaporkan urusan niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen bagi tahun kewangan 2010.

Mulai tahun kewangan 2010, penambahbaikan dari segi format persembahan telah dibuat ke atas Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata ini mengandungi **Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan**. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.

Federal Government Financial Statements 2010

The 2010 Federal Government Financial Statements are prepared by the Accountant General of Malaysia in compliance with Section 16(1) of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61] and audited by the Auditor General before being tabled in Parliament in compliance with Section 16(2) of the said Act.

The Federal Government Financial Statements report on all the financial transactions pertaining to the sources and applications of financial resources as appropriated by Parliament for 2010 financial year.

*Beginning financial year 2010, improvement were made to the presentation format of The Federal Government Financial Statements. The Financial Statements contain the **Statement of Financial Position, Statement of Cash Receipts and Payments, Statement of Financial Performance, Statement of Memorandum Accounts and Notes to the Financial Statements**. Notes to the Financial Statements include further explanations and detailed schedules of amounts shown in the Financial Statements.*

Kandungan

Contents

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2010 FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENTS 2010

Muka Surat
Page

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

ACCOUNTANT GENERAL'S REPORT

Ringkasan Eksekutif <i>Executive Summary</i>	2
Kewangan Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government Finance</i>	5
Perakaunan Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government Accounting</i>	6
Penyata Kedudukan Kewangan <i>Statement of Financial Position</i>	6
Wang Awam <i>Public Monies</i>	7
Akaun Hasil Disatukan <i>Consolidated Revenue Account</i>	8
Akaun Pinjaman Disatukan <i>Consolidated Loan Account</i>	12
Akaun Amanah Disatukan <i>Consolidated Trust Account</i>	15
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai <i>Statement of Cash Receipts and Payments</i>	20
Penyata Akaun Memorandum <i>Statement of Memorandum Accounts</i>	21

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sijil Ketua Audit Negara	27
Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010	28

PENYATA KEWANGAN

Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia	30
Penyata Kedudukan Kewangan	31
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	32
Penyata Prestasi Kewangan	34
Penyata Akaun Memorandum	35
Nota kepada Penyata Kewangan	36

LAMPIRAN KEPADA NOTA

LAMPIRAN

1	Penyata Perbelanjaan Mengurus	52
2	Penyata Perbelanjaan Pembangunan	172
3	Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	218
4	Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	222
5	Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun	228

Kandungan

Contents

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2010 FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENTS 2010

	Muka Surat Page
CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL	
<i>Certificate of the Auditor General</i>	231
<i>Glossary of Federal Government Financial Statements 2010</i>	232
FINANCIAL STATEMENTS	
<i>Statement by Secretary General to the Treasury and Accountant General of Malaysia</i>	234
<i>Statement of Financial Position</i>	235
<i>Statement of Cash Receipts and Payments</i>	236
<i>Statement of Financial Performance</i>	238
<i>Statement of Memorandum Accounts</i>	239
<i>Notes to the Financial Statements</i>	240
ATTACHMENTS TO NOTES	
APPENDICES	
1 <i>Statement of Operating Expenditure</i>	256
2 <i>Statement of Development Expenditure</i>	266
3 <i>Statement of Memorandum Account of Recoverable Loans</i>	270
4 <i>Statement of Memorandum Account of Investment</i>	274
5 <i>Statement of Memorandum Account of Statutory Guarantees</i>	280
LAMPIRAN	
APPENDICES	
I <i>Perangkaan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2001 – 2010 Federal Government Financial Statistics, 2001 – 2010</i>	
II <i>Carta Organisasi Kementerian Kewangan Malaysia Ministry of Finance, Malaysia - Organisation Chart</i>	
<i>Carta Organisasi Jabatan Akauntan Negara Accountant General's Department - Organisation Chart</i>	



Laporan Akauntan Negara ***Accountant General's Report***

Ringkasan Eksekutif *Executive Summary*

Belanjawan 2010 memberi tumpuan kepada tiga strategi utama iaitu Memacu Negara ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi, Memastikan Pembangunan Holistik dan Mapan serta Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat.

Belanjawan 2010 memperuntukkan RM149,065 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM56,077 juta bagi perbelanjaan pembangunan yang mana perbelanjaan mengurus adalah 72.7% daripada jumlah keseluruhan belanjawan.

Hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2010 berjumlah RM159,653 juta berbanding dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM151,633 juta, telah mencatatkan lebih berjumlah RM8,020 juta dalam akaun semasa. Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan telah menurun daripada 7% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 2009 kepada 5.6% dalam tahun 2010 disebabkan langkah perbelanjaan yang berhemat dan yang memberi nilai setimpal oleh Kerajaan.

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan telah berkurang sebanyak RM5,947 juta kepada RM21,573 juta dalam tahun 2010 disebabkan pengurangan dalam terimaan yang berjumlah RM240,962 juta berbanding bayaran yang berjumlah RM246,909 juta.

Terimaan dalam tahun 2010 terdiri daripada kutipan hasil sebanyak RM159,653 juta, pinjaman dan bantuan luar negeri RM77,231 juta, terimaan modal RM816 juta dan terimaan lain RM3,263 juta. Hasil Kerajaan sebanyak 66% merupakan komponen utama terimaan diikuti oleh pinjaman dan bantuan luar negeri sebanyak 32% dan terimaan lain dan terimaan modal sebanyak 2%.

The 2010 Budget focused on three main strategies, namely Driving the Nation Towards a High-Income Economy, Ensuring Holistic and Sustainable Development and Focusing on Well-being of the Rakyat.

The 2010 Budget allocated a sum of RM149,065 million for operating expenditure and RM56,077 million for development expenditure, whereby operating expenditure accounted for 72.7% of the total budget.

The Federal Government Revenue in 2010 was RM159,653 million as compared to an operating expenditure of RM151,633 million, resulting in a surplus of RM8,020 million in the current account. The Federal Government overall deficit decreased from 7% of Gross Domestic Product (GDP) in 2009 to 5.6% in 2010 due to prudent and value-for-money spending measures undertaken by the Government.

The Federal Government cash decreased by RM5,947 million to RM21,573 million in 2010 due to decrease in total receipts of RM240,962 million as compared to total payments of RM246,909 million.

Receipts for the year 2010 comprised RM159,653 million in revenue, RM77,231 million in loans and external assistance, RM816 million in capital receipts and RM3,263 million in other receipts. Government revenue at 66% was the main component of receipts followed by loans and external assistance at 32% and other receipts and capital receipts at 2%.

Bayaran dalam tahun 2010 terdiri daripada RM151,633 juta untuk perbelanjaan mengurus, RM57,804 juta untuk perbelanjaan pembangunan termasuk pembayaran pembangunan untuk Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) sebanyak RM5,012 juta, RM31,836 juta untuk pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri, RM3,617 juta untuk pembelian modal dan RM2,019 juta untuk bayaran lain. Perbelanjaan mengurus pada 61% merupakan komponen utama pembayaran diikuti oleh perbelanjaan pembangunan termasuk PFI sebanyak 23%, pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri sebanyak 13% dan perbelanjaan modal serta bayaran lain sebanyak 3%.

Aset Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum hanya meliputi Pinjaman Boleh Tuntut RM82,319 juta dan Pelaburan RM27,723 juta manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam RM407,101 juta dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM207 juta.

Hutang Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 12% kepada RM407,101 juta dalam tahun 2010 yang terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM390,356 juta dan hutang luar negeri termasuk bantuan luar negeri berjumlah RM16,745 juta. Walau bagaimanapun, hutang Kerajaan Persekutuan berada pada tahap yang boleh urus di mana bayaran perkhidmatan hutang bagi tahun 2010 adalah 10% daripada jumlah perbelanjaan mengurus.

Payments for the year 2010 comprised RM151,633 million for operating expenditure, RM57,804 million for development expenditure including development payment for Private Finance Initiative (PFI) of RM5,012 million, RM31,836 million for repayment of loans and external assistance, RM3,617 million for capital expenditure and RM2,019 million for other payments. Operating expenditure at 61% formed the main component of payments followed by development expenditure including PFI 23%, repayment of loans and external assistance 13% and capital expenditure together with other payments 3%.

The Federal Government assets disclosed in the Statement of Memorandum Accounts only include Recoverable Loans RM82,319 million and Investments RM27,723 million, whereas the liabilities comprised Public Debt RM407,101 million and Other Liabilities RM207 million.

The Federal Government Debt increased by 12% to RM407,101 million in 2010 comprising domestic debt RM390,356 million and external debt including external assistance RM16,745 million. However, this debt level is still manageable whereby debt service charges in 2010 were at 10% of total operating expenditure.

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

ACCOUNTANT GENERAL'S REPORT

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil wilayah-wilayah Persekutuan. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) masing-masing bertanggungjawab bagi kutipan cukai langsung dan kutipan cukai tidak langsung. Cukai langsung meliputi cukai pendapatan individu dan syarikat, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai keuntungan hartanah. Cukai tidak langsung pula meliputi duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi. Hasil bukan cukai termasuk kenaaan lesen dan permit, yuran perkhidmatan, jualan dan sewaan harta benda kerajaan, faedah dan pulangan ke atas pelaburan serta penalti dan denda. Terimaan bukan hasil pula meliputi pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi-agensi kerajaan lain. Hasil wilayah-wilayah Persekutuan meliputi hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dikutip di Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Prestasi Belanjawan

Belanjawan 2010 telah dirangka dengan memberi tumpuan kepada tiga strategi utama iaitu Memacu Negara ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi, Memastikan Pembangunan Holistik dan Mapan serta Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat. Belanjawan tahun 2010 yang diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2009, memperuntukkan RM138,279 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM53,220 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Parlimen telah kemudiannya membenarkan jumlah tambahan RM10,785 juta dan RM2,857 juta masing-masing bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2010 adalah RM204,424 juta, (tidak termasuk

FEDERAL GOVERNMENT FINANCE

Revenue

The Federal Government revenue comprises of four main categories, namely tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and revenue from Federal Territories. Tax revenue comprises of direct and indirect taxes. The Inland Revenue Board of Malaysia and Royal Malaysian Customs are responsible for the collection of direct and indirect taxes respectively. Direct taxes include company and individual income taxes, petroleum income tax, stamp duty and real property gains tax. Indirect taxes include export duty, import duty, excise duty, sales tax, service tax and levy. Non-tax revenue includes charges on licences and permits, service fees, sales and rental of government property, interest and return on investments, fines and penalties. Non-revenue receipts include refunds of expenditure and receipts from other government agencies. Revenue from Federal Territories includes tax revenue and non-tax revenue collected in the Federal Territories of Labuan, Kuala Lumpur and Putrajaya.

Budgetary Performance

The 2010 Budget was formulated with a focus on three main strategies, that is, Driving the Nation towards a High-Income Economy, Ensuring Holistic and Sustainable Development and Focusing on Well-being of the Rakyat. The 2010 budget approved by Parliament in December 2009, appropriated RM138,279 million for operating expenditure and RM53,220 million for development expenditure. Parliament subsequently authorised an additional RM10,785 million and RM2,857 million for operating and development expenditure respectively.

Total operating and development expenditure for the year 2010 was RM204,424 million (excluding the transfer of RM8,020 million from the Consolidated Revenue Account to the Development Fund), that is, 99.7% of the total allocation of RM205,141 million (including the additional allocation of RM13,642 million). Of this

RM8,020 juta yang dipindah dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 99.7% daripada peruntukan berjumlah RM205,141 juta (mengambil kira peruntukan tambahan RM13,642 juta). Daripada jumlah ini, perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM151,632 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM52,792 juta.

Perbelanjaan mengurus adalah termasuk perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan. Perbelanjaan tanggungan adalah berjumlah RM29,238 juta, iaitu 98.5% daripada jumlah peruntukan RM29,690 juta. Perbelanjaan bekalan berjumlah RM122,395 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 102.5% daripada jumlah peruntukan RM119,374 juta.

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2010 berjumlah RM52,792 juta, iaitu 94.1% daripada peruntukan disemak yang berjumlah RM56,077 juta. Jumlah peruntukan ini termasuk RM2,000 juta sebagai simpanan luar jangka. Jika peruntukan luar jangka tidak diambil kira, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah 97.6% daripada jumlah peruntukan. Daripada jumlah ini, perbelanjaan cara langsung adalah RM49,096 juta, manakala perbelanjaan pinjaman adalah RM3,695 juta.

PERAKAUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah sempurna sedia dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 4 Mac 2011. Ketua Audit Negara mengikut peruntukan Akta Audit 1957 [Akta 62] telah mengaudit Penyata Kewangan 2010 dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara pada 31 Mei 2011. Tarikh penyerahan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara, pengesahan oleh Ketua Audit Negara dan pembentangan di Parlimen bagi tempoh 1991 - 2010 ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman

amount, operating expenditure totalled RM151,632 million (excluding the transfer to the Development Fund), while development expenditure totalled RM52,792 million.

The operating expenditure consists of charged expenditure and supply expenditure. Charged expenditure was RM29,238 million, that is 98.5% of its appropriation of RM29,690 million. Supply expenditure was RM122,395 million (excluding the transfer to the Development Fund), that is, 102.5% of its appropriation of RM119,374 million.

Development expenditure for the year 2010 was RM52,792 million, that is 94.1% of the total appropriation of RM56,077 million. The total appropriation includes RM2,000 million for contingency reserve. Excluding this provision, development expenditure was 97.6% of the total appropriation. Of the total development expenditure, direct expenditure constituted RM49,096 million while loan disbursements were RM3,695 million.

FEDERAL GOVERNMENT ACCOUNTING

Financial Statements

The Financial Statements for the year ended 31 December 2010 were prepared and submitted to the Auditor General on 4 March 2011. The Auditor General

Jadual 1 <i>Table 1</i> Penyata Kewangan: Tarikh-tarikh Penting <i>Financial Statements: Key Dates</i>			
Tahun Kewangan <i>Financial Year</i>	Penyerahan untuk Pengauditan <i>Submission for Audit</i>	Sijil Ketua Audit Negara <i>Certificate of the Auditor General</i>	Pembentangan di Parlimen <i>Tabling in Parliament</i>
1991	30 April 1992	28 Ogos 1992	November 1992
1992	04 Mac 1993	01 Julai 1993	Oktober 1993
1993	28 Februari 1994	31 Mei 1994	Oktober 1994
1994	27 Februari 1995	30 Mei 1995	Oktober 1995
1995	17 Februari 1996	29 Mei 1996	Oktober 1996
1996	17 Februari 1997	17 Jun 1997	Oktober 1997
1997	04 Mac 1998	30 Jun 1998	Oktober 1998
1998	04 Mac 1999	17 Ogos 1999	Oktober 1999
1999	01 Mac 2000	09 Jun 2000	Oktober 2000
2000	10 Mac 2001	23 Jun 2001	September 2001
2001	12 Mac 2002	18 Jun 2002	September 2002
2002	03 Mac 2003	16 Jun 2003	September 2003
2003	08 Mac 2004	09 Jun 2004	September 2004
2004	09 Mac 2005	06 Jun 2005	September 2005
2005	08 Mac 2006	06 Jun 2006	September 2006
2006	09 Mac 2007	07 Jun 2007	September 2007
2007	03 Mac 2008	30 Mei 2008	Ogos 2008
2008	06 Mac 2009	29 Mei 2009	Oktober 2009
2009	08 Mac 2010	26 Mei 2010	Oktober 2010
2010	04 Mac 2011	31 Mei 2011	Oktober 2011

Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan yang dipegang bagi akaun hasil dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain dilaporkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dengan maklumat terperinci di Penyata Akaun Memorandum. **Carta 1** meringkaskan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan telah menurun sebanyak RM5,947 juta (22%) kepada RM21,573 juta pada 31 Disember 2010 berbanding RM27,520 juta pada 31 Disember 2009. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM21,002 juta (97%) adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, RM569 juta (3%) adalah Wang Tunai Dalam Perjalanan dan sebanyak RM2 juta Wang Tunai Dalam Tangan.

Mulai tahun kewangan 2010, Wang Tunai Dalam Bank adalah termasuk Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM5,376 juta selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS. Laporan terperinci mengenai wang tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Pelaburan

Pada 31 Disember 2010, amaun pelaburan dalam Kumpulan Wang Disatukan adalah RM20,343 juta. Amaun pelaburan ini terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM12,417 juta dan Pelaburan Am sebanyak RM7,926 juta.

Sebanyak 61% daripada pelaburan keseluruhan adalah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah di mana Deposit Dalam Negeri merupakan komponen utama. Sumber kewangan pelaburan ini adalah dari lebih akaun-akaun amanah. Pelaburan dalam Deposit Dalam Negeri telah meningkat sebanyak 13.8% berbanding tahun lalu.


Saham merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan Am iaitu 67.5%. Laporan terperinci mengenai pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Carta 1

Chart 1

Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2006 - 2010

Federal Government Consolidated Fund for the period 2006 - 2010



as provided by the Audit Act 1957 [Act 62] audited the Financial Statements 2010 and issued the Certificate of the Auditor General on 31 May 2011. The dates the Financial Statements were submitted to the Auditor General, its certification by the Auditor General and its tabling in Parliament for the period 1991 - 2010 are shown in **Table 1**.

STATEMENT OF FINANCIAL POSITION

The Statement of Financial Position of the Federal Government shows the amount of cash and investment held in respect of three accounts of the Consolidated Fund, namely the Consolidated Revenue Account, Consolidated Loan Account and Consolidated Trust Account. In accordance with the cash basis of accounting adopted by the Federal Government, only investments held for specific revenue and trust accounts are disclosed in the Statement of Financial Position. Other investments are disclosed in the Notes to the Financial Statements with details in the Statement of Memorandum Accounts. **Chart 1** summarises the Consolidated Fund balances for a period of 5 years.

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Hasil

Peningkatan Hasil Kerajaan Persekutuan disemak berbanding dengan anggaran asal sebanyak 5% adalah disebabkan oleh peningkatan dalam anggaran hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah-wilayah Persekutuan yang masing-masing sebanyak RM9,478 juta, RM255 juta dan RM108 juta serta penurunan hasil cukai sebanyak RM2,270 juta. Peningkatan hasil bukan cukai adalah disebabkan oleh hasil disemak bagi faedah dan perolehan daripada pelaburan meningkat kepada RM39,458 juta, iaitu 22% lebih tinggi daripada anggaran asal 2010 berjumlah RM32,322 juta. Peningkatan anggaran hasil disemak bagi terimaan bukan hasil berbanding anggaran asal 2010 pula adalah disebabkan oleh terimaan hasil ekor an penutupan Tabung Penyelarasan Industri yang berjumlah RM219 juta.

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010 berjumlah RM159,653 juta iaitu 2% lebih rendah berbanding anggaran disemak berjumlah RM162,131 juta. Ini adalah disebabkan oleh tiada hasil daripada pensukuritan pinjaman perumahan kakitangan awam dan hasil daripada jualan aset. Walau bagaimanapun, kutipan ini adalah 1% lebih tinggi daripada kutipan tahun 2009 yang berjumlah RM158,639 juta. Hasil cukai menyumbang sebanyak RM109,515 juta atau 69% daripada jumlah hasil keseluruhan manakala hasil bukan cukai pula menyumbang sebanyak RM48,867 juta atau 31% daripada jumlah hasil keseluruhan. Terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah-wilayah Persekutuan masing-masing menyumbang sebanyak RM793 juta dan RM477 juta atau 1% daripada hasil keseluruhan.

Pada tahun 2010, cukai pendapatan kekal sebagai punca utama kutipan cukai langsung. Kutipan cukai pendapatan berjumlah RM74,451 juta dengan komponen utama terdiri daripada hasil cukai pendapatan syarikat sebanyak RM36,266 juta, hasil cukai pendapatan individu sebanyak RM17,805 juta dan hasil cukai pendapatan petroleum sebanyak RM18,713 juta. Hasil cukai pendapatan syarikat menyumbang sebanyak 23% kepada hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2010. Kutipan hasil cukai pendapatan syarikat telah meningkat sebanyak 20% berbanding RM30,199 juta yang dikutip pada tahun 2009. Peningkatan ketara kutipan cukai syarikat adalah

PUBLIC MONIES

Cash

The Federal Government cash decreased by RM5,947 million (22%) to RM21,573 million as at 31 December 2010 compared to RM27,520 million as at 31 December 2009. Out of this total, Cash at Bank amounted to RM21,002 million (97%), whilst Cash in Transit amounted to RM569 million (3%) and Cash in Hand was RM2 million.

*Effective from financial year 2010, Cash at Bank includes Investment in Domestic Deposits for tenure of three (3) months or less amounting to RM5,376 million in accordance to Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS. Detailed report on cash can be referred to **Notes 3 in the Notes to the Financial Statements.***

Investments

As at 31 December 2010, the amount of investment in the Consolidated Fund stood at RM20,343 million. These investments comprised investment from Trust Funds amounting to RM12,417 million and General Investment amounting to RM7,926 million.

Trust Funds investment was 61% of the overall investment where Domestic Deposits formed the major component. These investments were financed by the surplus in trust accounts. Investment in the Domestic Deposits increased by 13.8% compared to the previous year.

*Shares formed the largest component of General Investment at 67.5%. Detailed report on investment can be referred to **Note 4 in the Notes to the Financial Statements.***

CONSOLIDATED FUND

CONSOLIDATED REVENUE ACCOUNT

Revenue

The increase in the revised total Federal Government's revenue as compared to original estimate of 5% is a result of non-tax revenue, non-revenue receipts and revenue from Federal Territories by RM9,478 million,

disebabkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 7.2%. Selain itu, pulangan balik cukai juga menurun kepada RM7,500 juta dalam tahun 2010 berbanding RM10,056 juta dalam tahun 2009. Hasil cukai pendapatan individu pula menyumbang sebanyak RM17,805 juta atau 11% daripada hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2010, iaitu 14% lebih tinggi berbanding tahun 2009. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2010 dan pengemaskinian Potongan Cukai Berjadual (PCB) oleh majikan menyokong peningkatan bagi hasil daripada cukai pendapatan individu. Kutipan cukai pendapatan petroleum yang dikira berdasarkan pendapatan tahun semasa menurun sebanyak 31% disebabkan oleh perubahan sistem taksiran daripada asas tahun sebelum kepada asas tahun semasa. Dalam hal ini, cukai pendapatan petroleum bagi tahun 2010 adalah berdasarkan pendapatan dalam tahun 2010 manakala cukai pendapatan petroleum bagi tahun 2009 adalah berdasarkan pendapatan dalam tahun 2008. Selain itu, penurunan kutipan cukai pendapatan petroleum juga dipengaruhi oleh purata harga minyak mentah dunia yang menurun kepada USD83.84 setong pada tahun 2010 berbanding USD103.69 setong pada tahun 2008 (asas tahun sebelum). Bagi komponen hasil cukai langsung yang lain, kutipan duti setem adalah sebanyak RM4,192 juta, iaitu meningkat sebanyak 25% berbanding dengan tahun 2009 iaitu RM3,349 juta ekoran pertumbuhan ekonomi yang kukuh memberi kesan positif ke atas pasaran saham dan sektor hartanah. Kutipan cukai keuntungan hartanah yang dikenakan semula pada 1 Januari 2010 adalah sebanyak RM303 juta.

Kutipan hasil daripada cukai tidak langsung meningkat kepada RM30,507 juta iaitu peningkatan sebanyak 8% berbanding tahun 2009. Duti eksport meningkat sebanyak 57% kepada RM1,810 juta disebabkan oleh peningkatan harga purata minyak mentah sebanyak 28% kepada USD83.84 setong dalam tahun 2010 berbanding USD65.42 setong dalam tahun 2009. Selain itu, hasil duti import menurun sebanyak 7% kepada RM1,966 juta disebabkan oleh pengurangan duti import ke atas besi dan keluli dan pemansuhan 300 barangan kegemaran pelancong dan pengguna tempatan yang diumumkan dalam Bajet 2011. Duti eksais meningkat sebanyak 10% kepada RM9,350 juta disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi kenderaan penumpang kepada 543,594 unit pada 2010 berbanding 486,342 unit pada 2009. Walau bagaimanapun, kutipan cukai jualan menurun sebanyak 5% kepada RM8,171 juta disebabkan oleh penurunan kutipan cukai jualan ke atas petrol dan diesel. Cukai

RM255 million and RM108 million, respectively, and an estimated decrease in tax revenue by RM2,270 million. Non-tax revenue estimates to increased due to the revised revenue from interests and proceeds on investments which have increased to RM39,458 million, 22% higher than the 2010 original estimate of RM32,322 million. The increase in revised estimate for non-revenue receipts compared to the 2010 original estimate was due to revenue received from the closing of Industrial Adjustment Fund (IAF) at RM219 million.

The Federal Government revenue in 2010 was RM159,653 million which was 2% lower than the revised estimate of RM162,131 million. This was due to no revenue from securitization of Government's employees' housing loans as well as monetization of assets. However, this collection is 1% higher than the RM158,639 million collected in 2009. Tax revenue contributed RM109,515 million or 69% of the total revenue whereas non-tax revenue amounted to RM48,867 million or 31% of the total revenue. Non-revenue receipts and revenue from Federal Territories contributed RM793 million and RM477 million respectively or 1% of the total revenue.

In 2010, income tax was still the main source of direct tax revenue. Income tax collection was RM74,451 million, of which the major components were company income tax RM36,266 million, individual income tax RM17,805 million and petroleum income tax RM18,713 million. Company income tax contributed 23% to the Federal Government's revenue in 2010. Company income tax collection increased by 20% compared to RM30,199 million collected in 2009. This significant increase was due to strong economic growth in 2010 with a positive Gross Domestic Production growth rate of 7.2%. In addition, tax refunds decreased to RM7,500 million in 2010 compared to RM10,056 million in 2009. Individual income tax contributed RM17,805 million or 11% of Federal Government revenue in 2010, that is 14% higher than that collected in 2009. The strong economic growth in 2010 and updating of the Schedules Tax Deduction by employers supported the growth in revenue from individual income tax. The collection of petroleum income tax which is taxed on a current year basis decreased by 31% due to change in the assessment system from preceding year basis to current year basis. In this case, the petroleum income tax collected in 2010 is based on the income received in 2010 while petroleum income tax collected in 2009 was based on the income received in 2008. In addition, the decline in petroleum income tax collection was also influenced by the decrease

perkhidmatan meningkat kepada RM3,926 juta pada tahun 2010 berbanding RM3,344 juta pada tahun 2009 disebabkan oleh kutipan cukai perkhidmatan ke atas kad kredit dan kad caj dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2010. Hasil daripada levi dan pelbagai cukai tidak langsung pula meningkat sebanyak 1% kepada RM2,863 juta pada tahun 2010 berbanding RM2,847 juta pada tahun 2009. Duti eksais terhadap barangan import telah meningkat sebanyak 52% kepada RM2,420 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 disebabkan oleh peningkatan jualan kenderaan (*completely built up*) pada tahun 2010.

Hasil bukan cukai menurun sebanyak 4% kepada RM48,867 juta. Penurunan ini disebabkan tiada hasil daripada pensukuritan pinjaman perumahan kakitangan awam dalam tahun 2010 berbanding RM4,100 juta pada tahun 2009. Terimaan bukan hasil menurun sebanyak 26% kepada RM793 juta manakala hasil daripada Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya meningkat sebanyak 72% kepada RM477 juta berikutan peningkatan kutipan bagi premium dan cukai tanah.

Laporan terperinci mengenai hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan. Carta 2** meringkaskan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2006 - 2010.

Perbelanjaan Mengurus

Jumlah anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan disemak lebih tinggi sebanyak 7.8% berbanding anggaran asal iaitu RM138 billion pada tahun 2010.


Anggaran disemak bagi perbelanjaan emolumen meningkat sebanyak RM1,410 juta kepada RM43,572 juta. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini termasuk peruntukan sebanyak RM633 juta untuk membiayai pelarasan gaji polis serta penambahbaikan skim insentif kepada pensyarah perubatan dan pergigian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Perbelanjaan Mengurus tahun 2010 adalah berjumlah RM151,633 juta, (tidak termasuk pindahan sejumlah RM8,020 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaaan bayaran tetap, iaitu subsidi, pemberian kepada kerajaan negeri dan badan berkanun, bayaran hutang negara, pencen

Carta 2

Chart 2

Hasil Kerajaan Persekutuan
bagi tempoh 2006 - 2010
Federal Government Revenue
for the period 2006 - 2010



■ Cukai Langsung (Direct Taxes)
■ Cukai Tidak Langsung (Indirect Taxes)
■ Terimaan Lain (Other Receipts)

in the average world crude oil price to USD83.84 per barrel in 2010 compared to USD103.69 per barrel in 2008 (preceding year basis). With regard to other components of direct tax revenue, stamp duty collection was RM4,192 million, an increase of 25% compared to RM3,349 million collected in 2009 due to the positive impact of strong economic growth on stock market and real property market. The collection of real property gains tax which was re-imposed on 1 January 2010 was RM303 million.

Revenue from indirect taxes increased to RM30,507 million, which was 8% higher than 2009. Export duty collection increased by 57% to RM1,810 million due to an increase in the average world crude oil price by 28% to USD83.84 per barrel in 2010 compared to USD65.42 per barrel in 2009. Besides that, import duty collection decreased by 7% to RM1,966 million due to the reduction of import duty on iron and steel and the abolition of import duty on approximately 300 goods preferred by tourists and local consumers as announced in the Budget 2011. Excise duty collection increased by 10% to RM9,350 million due to higher demand on passenger vehicles to 543,594 units in 2010 compared to 486,342 units in 2009. However, sales tax collection decreased by 5% to RM8,171 million due to the decreased in collection of sales tax on petrol and diesel. Services tax collection increased to RM3,926 million in 2010 compared to

dan elaun, emolumen iaitu gaji dan elaun anggota perkhidmatan awam dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan, sewaan dan kos operasi lain.

Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM29,238 juta iaitu 19.3% daripada jumlah perbelanjaan mengurus 2010. Sebahagian besar perbelanjaan tanggungan ini adalah terdiri daripada Perbelanjaan Kerana Membayar Hutang Negara, iaitu sebanyak RM15,621 juta yang merupakan 53.4% daripada jumlah perbelanjaan tanggungan.

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM122,395 juta (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) merupakan 80.7% daripada perbelanjaan mengurus 2010. Kementerian Pelajaran mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM28,253 juta, diikuti Perkhidmatan Am Perbendaharaan, iaitu sejumlah RM18,312 juta.

Dari segi penjenisan perbelanjaan mengurus, RM46,663 juta atau 30.8% adalah untuk emolumen, RM23,841 juta (15.7%) untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM1,869 juta (1.2%) untuk aset, RM78,105 juta (51.5%) untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) dan sebanyak RM1,155 juta (0.8%) digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Bayaran emolumen telah meningkat sebanyak 9.1% kepada RM46,663 juta berbanding dengan RM42,778 juta bagi tahun 2009. Kenaikan ini adalah disebabkan kenaikan gaji dan elaun, penyusunan semula organisasi, pertambahan jawatan baru serta pergerakan gaji tahunan.

Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berkurang sebanyak 9.6% kepada RM23,841 juta berbanding dengan perbelanjaan sejumlah RM26,372 juta dalam 2009. Perbelanjaan dalam kategori ini adalah untuk perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, kerja-kerja pembaikan, perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan pos serta perbelanjaan bekalan pejabat dan bahan mentah.

Perbelanjaan perolehan aset yang merupakan 1.2% daripada perbelanjaan mengurus telah menunjukkan penurunan sebanyak 27.6% iaitu daripada RM2,582 juta dalam tahun 2009 kepada RM1,869 juta dalam tahun 2010. Sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembelian peralatan, kerja-kerja pembaikan

RM3,344 million in 2009 due to the collection of service tax on credit and charge cards and strong economic growth in 2010. Revenue from levy and miscellaneous indirect taxes increased by 1% to RM2,863 million in 2010 compared to RM2,847 million in 2009. Excise duty from import collection increased by 52% to RM2,420 million in 2010 compared to 2009 due mainly to higher vehicle sales (completely built up) in 2010.

Non-tax Revenue decreased by 4% to RM48,867 million. This was because in 2010 there was no revenue from securitization of Government's employees' housing loans compared to RM4,100 million in 2009. Non-revenue receipts decreased by 26% to RM793 million whereas revenue from the Federal Territories of Labuan, Kuala Lumpur and Putrajaya increased by 72% to RM477 million due to the increase in collection on premium and tax on land.

Detailed report on revenue can be referred to **Note 5 in the Notes to the Financial Statements**. **Chart 2** summarises Federal Government revenue for the year 2006 - 2010.

Operating Expenditure

Federal Government's total revised expenditure higher by 7.80% as compared to total original expenditure amounted to RM138 billion in 2010.

Revised expenditure on emoluments, increased by RM1,410 million to RM43,572 million. Factors contributing to the increase include an allocation of RM633 million to accommodate the improved scheme of service for the police as well as amendment to the salary scheme of medical and dental lecturers in Public Universities in Malaysia (IPTA).

Operating Expenditure in 2010 amounted to RM151,633 million (excluding the transfer of RM8,020 million to the Development Fund). A large portion of the operating expenditure was for grants and fixed charges comprising subsidies, grants to state governments and statutory bodies, debt servicing, pensions and allowances, emoluments to civil servants and expenditure on supplies and services including maintenance, rental and other operational costs.

Charged Expenditure amounted to RM29,238 million, that is 19.3% of the total operating expenditure in 2010.

bangunan dan kemudahan serta pembelian kenderaan bagi jabatan-jabatan Kerajaan.

Perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaikan bayaran tetap masih merupakan komponen perbelanjaan mengurus yang terbesar. Pemberian termasuk subsidi, bantuan dan inisiatif dan pemberian kepada kerajaan negeri dan badan berkanun berjumlah RM39,229 juta (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan), manakala perbelanjaan bagi faedah, dividen dan kenaikan bayaran hutang negara yang lain berjumlah RM17,080 juta. Bayaran pencen dan ganjaran pula berjumlah RM10,515 juta diikuti dengan bayaran bagi biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran yang berjumlah RM2,686 juta. Manakala pemberian dan kenaikan bayaran tetap adalah termasuk tuntutan insurans dan pampasan berjumlah RM574 juta. Perbelanjaan mengurus yang lain bagi tahun 2010 berjumlah RM1,155 juta.

Carta 3 meringkaskan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun. Laporan terperinci mengenai perbelanjaan mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Kerajaan Persekutuan terus memberi penekanan kepada sumber domestik dalam membuat pinjaman. Pinjaman yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk membiayai defisit bajet dan juga bagi memenuhi permintaan terhadap sekuriti hutang. Pada tahun 2010, sejumlah RM72,849 juta pinjaman telah dibuat melalui pasaran dalam negeri berbanding RM106,810 juta pada tahun 2009. Jumlah pinjaman pasaran dalam negeri adalah merangkumi terbitan Bil Perbendaharaan (BP) sebanyak RM6,450 juta (pada nilai nominal), terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) RM37,100 juta, pengeluaran Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) RM21,000 juta, pengeluaran Terbitan Sukuk 1Malaysia (Sukuk) RM2,399 juta dan sebanyak RM5,900 juta bagi Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK). Selepas mengambil kira bayaran balik sebanyak RM31,093 juta, jumlah pinjaman bersih dalam negeri bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM41,756 juta berbanding RM62,479 juta pada tahun 2009.

Bagi pinjaman luar negeri, pinjaman di pasaran modal antarabangsa berjumlah RM4,047 juta telah dibuat pada tahun 2010. Pinjaman projek pula berjumlah RM448 juta berbanding RM451 juta pada tahun 2009. Laporan terperinci mengenai Akaun Pinjaman Disatukan


A large share of the charged expenditure was for debt servicing which amounted to RM15,621 million or 53.4% of the total charged expenditure.

Supply Expenditure of RM122,395 million (excluding the transfer to the Development Fund) accounted for 80.7% of operating expenditure in 2010. The Ministry of Education had the highest expenditure with a total of RM28,253 million followed by Treasury General Services with RM18,312 million.

In terms of operating expenditure classification, RM46,663 million or 30.8% was for emoluments, RM23,841 million (15.7%) for supplies and services, RM1,869 million (1.2%) for assets, RM78,105 million (51.5%) for grants and fixed charges (excluding the transfer to the Development Fund) and RM1,155 million (0.8%) for other expenditures.

Emolument increased by 9.1% to RM46,663 million as compared to RM42,778 million in 2009. The increase was due to reorganisation of ministries/departments, creation of additional posts, salary increments as well as increase in the rates of various allowances.

Expenditure on supplies and services decreased by 9.6% to RM23,841 million as compared to RM26,372 million in 2009. Expenditure in this category is for maintenance, rental, repair works, travel and transport,



boleh dirujuk kepada **Nota 6, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pinjaman Dalam Negeri

Sepanjang tahun 2010, BP yang dikeluarkan telah digunakan bagi membiayai bil yang matang berjumlah RM6,450 juta. Oleh itu, tiada dana bersih diperoleh daripada pengeluaran BP bagi tahun 2010.

Pengeluaran TPK adalah bagi memenuhi permintaan terhadap kertas Kerajaan berdasarkan prinsip Islam, selain membantu langkah mengawal lebihan kecairan dalam sistem kewangan. Pada tahun 2010, sejumlah RM21,000 juta TPK telah diterbitkan yang membolehkan Kerajaan memperoleh dana bersih sebanyak RM15,500 juta. Pada tahun 2009, sebanyak RM28,500 juta TPK telah diterbitkan dengan dana bersih berjumlah RM23,500 juta.

SKM terus menjadi sumber utama pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan. SKM merupakan 50.9% pinjaman dalam negeri kasar pada tahun 2010 berbanding 56.2% pada tahun 2009. Daripada RM37,100 juta SKM yang dikeluarkan, sebanyak RM18,378 juta digunakan untuk menebus SKM yang matang pada tahun tersebut. Dengan mengambil kira penebusan SKM ini, SKM mencatatkan pinjaman bersih sebanyak RM18,722 juta berbanding RM28,469 juta dalam tahun 2009.

Pada tahun 2010, Kerajaan juga telah menerbitkan Sukuk 1Malaysia yang dikeluarkan kepada umum sebanyak RM2,399 juta.

Pinjaman untuk membiayai operasi SPPK adalah berjumlah RM5,900 juta pada tahun 2010 berbanding RM6,600 juta dalam tahun 2009. Setelah mengambil kira bayaran balik SPPK sebanyak RM600 juta, pinjaman bersih bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM5,300 juta berbanding RM5,600 juta pada tahun 2009.

TPK dilaksanakan dibawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] dan SKM Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]. Pada masa kini, nilai siling di bawah kedua-dua akta tersebut adalah tidak lebih daripada 55% daripada jumlah KDNK.

Pinjaman Luar Negeri

Kerajaan sentiasa memastikan pengurusan hutang yang berhemat dengan mengawal peningkatan hutang luar negeri bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko

utilities, postal charges and supply of stationaries and raw materials.

Expenditure on acquisition of capital assets which formed 1.2% of operating expenditure, decreased by 27.6% from RM2,582 million in 2009 to RM1,869 million in 2010. A big portion of this expenditure was for the purchase of equipments, upgrading of government buildings and facilities as well as the purchase of vehicles.

Expenditure on grants and fixed charges continued to represent the biggest component of operating expenditure. Grants including subsidies, aids and incentives and transfer to the state governments and statutory authorities amounted to RM39,229 million (excluding transfer to Development Fund) and other debt servicing, interest and dividend totalled RM17,080 million. Payment of pensions and gratuities amounted to RM10,515 million while scholarships and education grant totalled RM2,686 million. Other expenditures included in grants and fixed charges are insurance claims and compensation which amounted to RM574 million. Other operating expenditures in 2010 totalled RM1,155 million.

*Chart 3 summarises the Operating Expenditure of the Federal Government for a period of 5 years. Detailed report on operating expenditure can be referred to in **Appendix 1 Statement of Operating Expenditure.***

CONSOLIDATED LOAN ACCOUNT

Federal Government continued to focus on domestic sources for borrowing. Borrowings were raised to finance the budget deficit and to meet the domestic demand for debt securities. In the year 2010, the government sourced a gross sum of RM72,849 million from the domestic market compared to RM106,810 million in 2009. This comprised RM6,450 million (at nominal value) in Treasury Bills (TB), RM37,100 million in Malaysian Government Securities (MGS), RM21,000 million in Government Investment Issues (GII), RM2,399 million in Sukuk 1Malaysia (Sukuk) issuance and RM5,900 million for Government Housing Loans Scheme (GHLS). After taking into account the repayment of RM31,093 million, net domestic borrowings were RM41,756 million in 2010 compared to RM62,479 million in 2009.

In 2010, for external borrowings, the international capital market borrowings amounted to RM4,047 million. Project loans amounted to RM448 million in 2010 compared to RM451 million in 2009. Detailed report on

pertukaran mata wang asing. Pada tahun 2010, pinjaman luar negeri kasar berjumlah RM4,495 juta. Pinjaman ini dibuat melalui pinjaman pasaran modal antarabangsa dan pengeluaran pinjaman projek sedia ada. Dengan mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM831 juta, pinjaman luar negeri bersih mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM3,664 juta.

Pada tahun 2010, Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Global 5 tahun bernilai USD1.25 bilion iaitu merupakan pinjaman pasaran pertama yang diperoleh dalam pasaran modal antarabangsa sejak tahun 2002. Terbitan Sukuk ini bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global dan mewujudkan tanda aras dolar AS yang baharu untuk syarikat Malaysia.

Pengeluaran daripada sumber dua hala dan pelbagai hala bagi membiayai pinjaman projek pada tahun 2010 adalah berjumlah RM448 juta. Dengan mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM831 juta, pinjaman projek mencatatkan aliran keluar berjumlah RM383 juta.

Pinjaman Luar Negeri dilaksanakan berdasarkan kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]. Pada masa kini, nilai siling di bawah akta tersebut adalah RM35 bilion. **Carta 4** menunjukkan pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

*Consolidated Loan Account can be referred to **Note 6 in the Notes to the Financial Statements.***

Domestic Borrowings

TB, which are issued periodically were used to finance the redemption of matured bills that amounted to RM6,450 million during 2010. Hence, there were no net receipts from borrowings through the issuance of TB as at the end of 2010.

Issues of GII are used to meet the demand for Government papers based on Islamic principles as well as to complement measures in controlling excess liquidity in the financial system. In 2010, a total of RM21,000 million GII were issued with net receipts of RM15,500 million compared to 2009 where RM28,500 million of GII were issued with net receipts of RM23,500 million.

MGS continued to be the main source of domestic borrowings for the Federal Government. MGS accounted for 50.9% of gross domestic borrowings in 2010 compared to 56.2% in 2009. Out of a total of RM37,100 million MGS issued, RM18,378 million were used to redeem matured MGS for the year. Thus, the net borrowings of MGS was RM18,722 million compare to RM28,469 million in 2009.


In 2010, a total of RM2,399 million Sukuk I Malaysia was issued by the Government to the public.

Loans to finance GHLS operations totalled RM5,900 million in 2010 compared to RM6,600 million in 2009. Net borrowings of GHLS as at end of 2010 was RM5,300 million compared to RM5,600 million in 2009.

GII and MGS are obtained with limits of borrowing based on the Government Funding Act 1983 [Act 275] and Loan (Local) Act 1959 [Act 637] respectively. Currently, the ceiling under both Acts is not more than 55% of total GDP.

External Borrowings

The government continued with its prudent debt management stance of containing the growth in external debt in reducing its exposure to foreign exchange risk. In 2010, gross external borrowings amounted to RM4,495 million, arising from market loan and the disbursement of existing project loans while repayment amounted to RM831 million. Thus, net external borrowings in 2010 amounted to an inflow of RM3,664 million.



AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Pada tahun 2010, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukkan baki kredit sebanyak RM3,985 juta berbanding RM23,312 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan oleh peningkatan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan daripada baki defisit RM24,383 juta pada tahun 2009 kepada baki defisit RM45,496 juta pada tahun 2010.

Laporan terperinci mengenai Akaun Amanah Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan; dan
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] untuk tujuan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2010, terdapat kurangan semasa dalam kumpulan wang ini sebanyak RM21,113 juta berbanding dengan lebih RM38,762 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan dalam tahun 2010, tiada pindahan baki TPK dibuat ke Kumpulan Wang Pembangunan berbanding sebanyak RM64,000 juta dalam tahun 2009. Ini secara langsung telah mengurangkan terimaan kumpulan wang kepada RM31,678 juta berbanding RM88,277 juta tahun 2009. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan bertambah 7% kepada RM52,792 juta dalam tahun 2010. Oleh yang demikian, kurangan terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan telah meningkat kepada RM45,496 juta dalam tahun 2010 berbanding dengan RM24,383 juta tahun 2009.

In 2010, the Government issued a USD1.25 billion 5 year global Sukuk, the first market loan raised in the international capital market since 2002. The Sukuk issuance was aimed at promoting Malaysia as a global Islamic financial hub and to establish a new US dollar benchmark for Malaysian corporates.

The disbursement from project loans in 2010 totalled RM448 million. After adjusting for loan repayment of RM831 million, project loans registered an outflow of RM383 million in 2010.

*External loans are obtained with limits of borrowing based on the External Loans Act 1963 [Act 403]. Currently, the ceiling under the Act is RM35 billion. **Chart 4** shows Federal Government net borrowings for 5 years.*

CONSOLIDATED TRUST ACCOUNT

The Consolidated Trust Account consists of Government Trust Funds, Public Trust Funds and Deposits.

During the year 2010, the Consolidated Trust Account recorded a credit balance of RM3,985 million compared to a balance of RM23,312 million in 2009. This was due to the increased accumulated deficit in the Development Fund from RM24,383 million in 2009 to RM45,496 million in 2010.

*Detailed report on Consolidated Trust Account can be referred to **Note 7 in the Notes to the Financial Statements**.*

Government Trust Funds

Government Trust Funds account for receipts from Government allocations and payments for specific purposes in accordance with Section 10 of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61]. They can be categorised as follows:

- *Development Fund;*
- *Housing Loans Fund; and*
- *Miscellaneous Government Trust Funds.*

Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM8,020 juta pada tahun 2010 berbanding dengan pindahan sejumlah RM1,572 juta pada tahun 2009. Jumlah pindahan ini merupakan lebih hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun semasa.

Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM22,386 juta adalah termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM18,722 juta yang merupakan punca pembiayaan utama Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 2010 berbanding dengan RM86,183 juta pada tahun 2009.

Terimaan balik pinjaman berjumlah RM1,496 juta adalah termasuk penukaran pinjaman kepada ekuiti sebanyak RM711 juta berbanding dengan RM519 juta pada tahun 2009. Satu pelarasan berjumlah RM255 juta juga termasuk sebagai terimaan pada tahun 2010. Selain itu, terimaan yang berjumlah RM31 juta pada tahun 2010 adalah terdiri daripada pelbagai terimaan dan hasil jualan aset modal yang diperoleh melalui perbelanjaan pembangunan.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)** (i), **Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2010 berjumlah RM52,792 juta, iaitu 94.1% daripada peruntukan disemak berjumlah RM56,077 juta. Jumlah peruntukan ini termasuk RM2,000 juta sebagai simpanan luar jangka. Jika simpanan luar jangka ini tidak diambilkira, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah 97.6% daripada jumlah peruntukan. Daripada jumlah ini, perbelanjaan cara langsung adalah RM49,096 juta, manakala perbelanjaan pinjaman berjumlah RM3,695 juta.

Perbelanjaan pembangunan cara langsung telah meningkat sebanyak 8.4% kepada RM49,096 juta bagi tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan jumlah perbelanjaan di beberapa kementerian antaranya Jabatan Perdana Menteri (RM7,381 juta), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (RM5,123 juta), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (RM2,267 juta), Kementerian Kesihatan (RM3,569 juta), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (RM1,887 juta), Kementerian Penerangan, Komunikasi

Development Fund

The Development Fund is a trust fund set up in accordance with the Development Funds Act 1966 [Act 406] for the economic development of the country.

The fund registered a current deficit of RM21,113 million in 2010 compared to a surplus of RM38,762 million in 2009. The current year receipts were only RM31,678 million compared to RM88,277 million in the year 2009. This was because in the year 2010 there was no transfer of GII to the fund as compared to a fund of RM64,000 million in 2009. On the other hand, development expenditure increased by 7% to RM52,792 million in 2010. As a result, the accumulated deficit in the Development Fund increased to RM45,496 million in 2010 compared to RM24,383 million in 2009.

In 2010, RM8,020 million was transferred from the Consolidated Revenue Account to the Development Fund compared to a transfer of RM1,572 million in 2009. This transfer represents surplus of revenue over operating expenditure for the current year.

Transfer from the Consolidated Loan Account represents the main source of finance to the Development Fund. In 2010, a total of RM22,386 million, inclusive of Malaysian Government Security of RM18,722 million, was transferred as compared to a transfer of RM86,183 million in 2009.

Receipts of loan repayments amounted to RM1,496 million inclusive of setting off of loan with equity of RM711 million compared to RM519 million in 2009. A prior year adjustment of RM255 million was also made to the receipts in 2010. Other receipts comprising miscellaneous receipts and proceeds from the sale of capital assets originally acquired through development expenditure amounted to RM31 million in 2010.

*Detailed report can be referred to **Note 7(a)(i) in the Notes to the Financial Statements**.*

Development Expenditure

Development Expenditure for the year 2010 was RM52,792 million or 94.1% of its appropriation of RM56,076 million. The appropriation included a provision of RM2,000 million for contingencies reserve. Excluding this provision, development expenditure was 97.6% of the appropriation. Of the total expenditure,

dan Kebudayaan (RM1,198 juta) dan Kementerian Pengajian Tinggi (RM4,427 juta).

Perbelanjaan pembangunan cara pinjaman kepada agensi sektor awam daripada Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak 12.5% kepada RM3,695 juta pada tahun 2010 berbanding dengan RM4,221 juta pada tahun 2009.

Dari segi perbelanjaan mengikut sektor, perbelanjaan dalam sektor ekonomi berjumlah RM26,121 juta atau 49.5% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2010. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah di bawah subsektor pengangkutan, perdagangan dan perindustrian, tenaga dan kemudahan awam, pertanian dan pembangunan luar bandar serta penyelidikan dan pembangunan iaitu masing-masing berjumlah RM8,665 juta, RM6,987 juta, RM5,285 juta, RM2,920 juta dan RM1,061 juta.

Perbelanjaan bagi sektor sosial berjumlah RM20,784 juta atau 39.4% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2010. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah bagi perbelanjaan subsektor pendidikan dan latihan RM12,045 juta, kesihatan RM3,780 juta, majlis tempatan RM1,552 juta dan pembangunan masyarakat dan desa RM1,181 juta.

Perbelanjaan bagi sektor keselamatan yang berjumlah RM3,970 juta merupakan 7.5% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2010. Sebanyak RM2,666 juta daripadanya merupakan perbelanjaan subsektor pertahanan untuk pembinaan kemudahan dan pembelian peralatan bagi tentera darat, laut dan udara. Perbelanjaan subsektor keselamatan dalam negeri yang berjumlah RM1,303 juta adalah untuk menampung perbelanjaan bagi pasukan beruniform lain seperti polis, imigresen dan penjara.

Perbelanjaan bagi sektor pentadbiran am berjumlah RM1,917 juta atau 3.6% daripada perbelanjaan pembangunan 2010. Perbelanjaan ini termasuk perkhidmatan bagi jabatan-jabatan kerajaan, pembaikan dan pengubahsuaian, kemudahan asas bangunan, kelengkapan dan perkhidmatan komputer di jabatan-jabatan kerajaan.

Laporan terperinci mengenai perbelanjaan pembangunan boleh dirujuk kepada **Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Carta 5** meringkaskan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

direct expenditure constituted RM49,096 million while loan disbursement amounted to RM3,695 million.

Direct development expenditure increased by 8.4% to RM49,096 million for the year 2010. The increase was due to an increase in total expenditure of ministries such as Prime Minister's Department (RM7,381 million), Ministry of Rural and Regional Development (RM5,123 million), Ministry of Energy, Green Technology and Water (RM2,267 million), Ministry of Health (RM3,569 million), Ministry of Housing and Local Government (RM1,887 million), Ministry of Information, Communication and Culture (RM1,198 million) and Ministry of Higher Education (RM4,427 million).

Development expenditure through loans to public agencies from the Development Fund decreased by 12.5% to RM3,695 million in 2010 compared to RM4,221 million in 2009.

In terms of sectoral classification, expenditure on economic sector was RM26,121 million or 49.5% of total development expenditure in 2010. The larger components of expenditure were transport, trade and industry, energy and public utilities, agriculture and rural development, research and development which amounted to RM8,665 million, RM6,987 million, RM5,285 million, RM2,920 million and RM1,061 million.


Expenditure on the social sector was RM20,784 million or 39.4% of total development expenditure in 2010. The bigger components of these expenditures were education and training sub-sector with a total of RM12,045 million, health RM3,780 million, local authorities RM1,552 million, rural and community development RM1,181 million.

Expenditure on the security sector was RM3,970 million or 7.5% of total development expenditure in 2010. Of this amount, a sum of RM2,666 million was for construction of facilities and purchase of equipment for the army, navy and air force. The internal security sub-sector expenditure amounting RM1,303 million were for other uniform bodies such as police force, immigration and prison.

Expenditure on general administration was RM1,917 million or 3.6% of total development expenditure in 2010. This expenditure was mainly for providing public amenities and administration for government agencies, repairs and renovations and computer services of several government agencies.

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
bagi tempoh 2006 - 2010

Federal Government Development Expenditure
for the period 2006 - 2010



■ Cara Langsung
Direct

■ Pinjaman
Loans

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK) yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) adalah tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42]. Ia menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan kepada Anggota Pentadbiran Persekutuan, Ahli-Ahli Parlimen, Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Tinggi, Pegawai-Pegawai Awam Am dan Anggota Pasukan Polis dan Tentera.

Pada 31 Disember 2010, baki kumpulan wang adalah RM3,213 juta berbanding dengan baki RM1,758 juta pada tahun 2009. Untuk tahun 2010, jumlah kutipan bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM4,243 juta manakala pengeluaran wang pinjaman adalah sebanyak RM5,926 juta.

Sepanjang tahun 2010, tiada pensekuritian baru dilaksanakan. Bagi tempoh yang sama, jumlah pinjaman luar dari bank-bank komersial berjumlah RM5,900 juta manakala bayaran balik pinjaman luar berjumlah RM600 juta. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a) (ii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Detailed report on development expenditure can be referred to in **Appendix 2, Statement of Development Expenditure. Chart 5** summarises the Development Expenditure of the Federal Government for a period of 5 years.

Housing Loans Fund

The Government Housing Loans Scheme (GHLS) is financed by the Housing Loans Fund (HLF) in accordance with the provisions of the Housing Loans Fund Act 1971 [Act 42]. It provides housing loan facilities to Members of the Federal Administration, Members of Parliament, Members of State Administration and Members of Legislative Assembly, Judges of Federal Court/High Court, Civil Servants and Police and Armed Forces.

As at 31 December 2010, the HLF balance was RM3,213 million compared to RM1,758 million in the year 2009. Total receipt from repayment of loans in 2010 amounted to RM4,243 million whilst total loans disbursed to borrowers amounted to RM5,926 million.

There was no securitisation exercise done in 2010. Total external loans taken from commercial banks totalled RM5,900 million, whilst repayment of loans amounted to RM600 million. Detailed report can be referred to **Note 7(a)(ii) in the Notes to the Financial Statements.**

Miscellaneous Government Trust Funds

The Miscellaneous Government Trust Funds established under Section 10 of Financial Procedure Act 1957 [Act 61] are classified into five main categories, namely the Clearance Account, Trading Account, Loan Account, Contingency Fund and Miscellaneous Funds.

A total of 47 accounts were managed in 2010. Miscellaneous Government Trust Fund balance increased from RM28,541 million in 2009 to RM29,920 million 2010.

Detailed report can be referred to **Note 7(a)(iii) in the Notes to the Financial Statements.**

Public Trust Funds

Public Trust Funds are established under Section 9 of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61] to account

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terbahagi kepada lima kategori utama iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Sejumlah 47 akaun telah diuruskan pada tahun 2010. Baki Kumpulan Wang telah mencatatkan peningkatan dari RM28,541 juta pada tahun 2009 kepada RM29,920 juta pada tahun 2010.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan amanah khas yang diperuntukkan di bawah akta yang berkaitan, selain Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi mengakaunkan wang yang diterima bagi maksud tertentu.

Pada tahun 2010, sebanyak 295 akaun Kumpulan Wang Amanah Awam telah diselenggarakan oleh kementerian dan jabatan dengan baki berjumlah RM7,722 juta. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada amanah khas dan amanah am. Pecahan kumpulan wang mengikut amanah khas dan amanah am ialah sebanyak RM582 juta dan RM7,140 juta masing-masing berbanding RM547 juta dan RM8,856 juta tahun 2009. Penurunan RM1,716 juta dalam amanah am adalah disebabkan oleh kurangan dalam Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) sebanyak RM1,750 juta dalam tahun 2010.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Wang Deposit

Wang Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila

for trust monies entrusted to the Federal Government and special trust under relevant act other than Financial Procedure Act 1957 [Act 61] for monies received for specific purposes.

In 2010, 295 Public Trust Funds accounts were managed by various ministries and departments with a balance of RM7,722 million. Public Trust Account comprise special trust and general trust. The fund balance is made up of special trust RM582 million and general trust RM7,140 million as compared to RM547 million and RM8,856 million respectively last year. The decrease of RM1,716 million in general trust was mainly due to the decrease of RM1,750 million in Private Finance Initiative (PFI) Trust Account in 2010.

Detailed report on Public Trust Funds can be referred to Note 7(b) in Notes to the Financial Statement.

Deposits

Deposits consist of General Deposits and Adjustment Deposits. General Deposits are monies received for specific purposes under any law or contractual agreement and are refundable once the purpose is achieved. Adjustment Deposits are temporary accounts that are used before payments are made or adjustments are made to actual accounts.

In 2010, deposits held by the government increased by 8% to RM8,626 million compared to RM7,993 million in 2009. From this amount a total of RM8,259 million (96%) were General Deposits and RM367 million (4%) were Adjustment Deposits.

Detailed report can be referred to Note 7(c) in the Notes to the Financial Statements.

STATEMENT OF CASH RECEIPTS AND PAYMENTS

Cash Receipts and Payments

In 2010, the Federal Government recorded a decrease in cash of RM5,947 million due to the increase in total payments amounting to RM246,909 million as compared to total receipts amounting to RM240,962 million. Cash as at 31 December 2010 was RM21,573 million. The Statement of Cash Receipts and Payments of the Federal Government is presented in Table 2.

maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Pada tahun 2010, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan telah meningkat sebanyak 8% kepada RM8,626 juta berbanding RM7,993 juta pada tahun 2009. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8,259 juta (96%) merupakan Deposit Am, manakala sebanyak RM367 juta (4%) adalah Deposit Pelarasan.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Pada tahun 2010, Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan penurunan wang tunai sebanyak RM5,947 juta berikutan jumlah bayaran RM246,909 juta melebihi jumlah terimaan RM240,962 juta. Wang tunai pada 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM21,573 juta. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Jumlah terimaan sebanyak RM240,962 juta adalah terdiri daripada hasil berjumlah RM159,653 juta (66.3%), pinjaman dalam dan luar negeri berjumlah RM76,782 juta (31.9%), bantuan luar negeri berjumlah RM448 juta (0.2%), terimaan modal berjumlah RM816 juta (0.3%) dan terimaan lain berjumlah RM3,263 juta (1.3%).

Daripada jumlah hasil tahun 2010 yang diterima, RM109,515 juta (68.6%) merupakan hasil cukai, RM48,868 juta (30.6%) merupakan hasil bukan cukai RM793 juta (0.5%) merupakan terimaan bukan hasil dan RM477 juta (0.3%) merupakan hasil Wilayah-wilayah Persekutuan.

Pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM77,230 juta. Mulai tahun kewangan 2010, pinjaman telah diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10 *Cash Basis* IPSAS. Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM72,735 juta (94.2%) dan Pinjaman Luar Negeri berjumlah RM4,047 juta (5.2%). Manakala Bantuan Luar Negeri adalah terdiri daripada Pinjaman

The total receipts of RM240,962 million comprised revenue RM159,653 million (66.3%), domestic and external loans RM76,782 million (31.9%), external assistance RM448 million (0.2%), capital receipts RM816 million (0.3%) and other receipts RM3,263 million (1.3%).

From the total revenue for the year 2010, RM109,515 million (68.6%) was derived from tax revenue, RM48,868 million (30.6%) from non-tax revenue, RM793 million (0.5%) from non-revenue receipts and RM477 million (0.3%) from Federal Territories revenue.

The Federal Government borrowing for the year 2010 was to RM77,230 million. Effective from financial year

Jadual 2 <i>Table 2</i>	
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 <i>Statement of Cash Receipts and Payments</i> <i>for year ended 31 December 2010</i>	
	RM juta/RM million
TERIMAAN <i>RECEIPTS</i>	
Hasil <i>Revenue</i>	159,653
Pinjaman <i>Loans</i>	76,782
Bantuan Luar Negeri <i>External Assistance</i>	448
Terimaan Modal <i>Capital Receipts</i>	816
Terimaan Lain <i>Other Receipts</i>	3,263
Jumlah Terimaan <i>Total Receipts</i>	240,962
BAYARAN <i>PAYMENTS</i>	
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) <i>Operating Expenditure</i> <i>(excludes transfer to Development Fund)</i>	(151,633)
Perbelanjaan Pembangunan <i>Development Expenditure</i>	(57,804)
Perbelanjaan Modal <i>Capital Expenditure</i>	(3,617)
Bayaran Balik Pinjaman <i>Repayment of Loans</i>	(31,005)
Bantuan Luar Negeri <i>External Assistance</i>	(831)
Bayaran Lain <i>Other Payment</i>	(2,019)
Jumlah Pembayaran <i>Total Payments</i>	(246,909)
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai <i>Increase/(Decrease) in Cash</i>	(5,947)
Wang Tunai pada 1 Januari <i>Cash as at 1 January</i>	27,520
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai <i>Increase/(Decrease) in Cash</i>	(5,947)
Wang Tunai pada 31 Disember <i>Cash as at 31 December</i>	21,573

Multilateral berjumlah RM117 juta (0.2%) dan Pinjaman Bilateral berjumlah RM331 juta (0.4%).

Terimaan modal sebanyak RM816 juta diperolehi daripada terimaan balik pinjaman, pelbagai terimaan modal dan jualan aset modal. Terimaan lain sebanyak RM3,263 juta pula diperolehi daripada Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Jumlah bayaran Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 adalah RM246,909 juta. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah perbelanjaan mengurus RM151,633 juta (61.4%), manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM57,804 juta (23.4%) termasuk bayaran PFI sebanyak RM5,012 juta. Perbelanjaan modal bagi pembelian instrumen kewangan adalah berjumlah RM3,617 juta (1.5%) dan bayaran amanah berjumlah RM2,019 juta (0.8%).

Bagi tahun 2010, bayaran balik pinjaman berjumlah RM31,005 juta (12.6%) dan bantuan luar negeri berjumlah RM831 juta (0.3%). Bagi bayaran balik pinjaman, kesemuanya adalah bayaran pinjaman dalam negeri manakala bagi bantuan luar negeri, RM239 juta dan RM592 juta adalah pinjaman multilateral dan pinjaman bilateral masing-masing.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada pinjaman boleh dituntut dan pelaburan, manakala liabiliti pula terdiri daripada hutang awam dan pelbagai liabiliti.

ASET

Pinjaman Boleh Dituntut

Sehingga akhir tahun 2010, jumlah baki pinjaman yang boleh dituntut oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM82,319 juta, iaitu peningkatan sebanyak 12% berbanding RM73,383 juta pada tahun 2009.

Dari segi kategori baki pinjaman yang boleh dituntut, RM18,170 juta (22%) adalah dari Kerajaan Negeri, RM507 juta (0.6%) dari Pihak Berkuasa Tempatan,

2010, borrowings have been classified into Borrowings and External Assistance in line with Para 1.10 Cash Basis IPSAS. Borrowings comprised of Domestic Loans of RM72,735 million (94.2%) and External Loans of RM4,047 million (5.2%). External Assistance comprised of Multilateral Loans of RM117 million (0.2%) and Bilateral Loans of RM331 million (0.4%).

The capital receipts of RM816 million were derived from repayment of loans given out, other capital receipts and sale of assets. Other receipts amounting to RM3,263 million came from Private Finance Initiative (PFI).

The total Federal Government payments for the year 2010 was RM246,909 million. Operating expenditure which formed the major portion of total payments was RM151,633 million (61.4%), whilst development expenditure was RM57,804 million (23.4%) including payment for PFI of RM5,012 million. Capital expenditure incurred to purchase financial instruments was RM3,617 million (1.5%) and trust payments were RM2,019 million (0.8%).

For the year 2010, repayment of loans was RM31,005 million (12.6%) and external assistance was RM831 million (0.3%). For the repayment of loans, the whole total was for domestic loans while for the external assistance, RM239 million and RM592 million was from multilateral loans and bilateral loans respectively.

STATEMENT OF MEMORANDUM ACCOUNTS

The Statement of Memorandum Accounts is a statement that shows some of the assets and liabilities of the Federal Government which are not disclosed in the Statement of Financial Position. Assets consist of recoverable loans, and investments whilst liabilities consist of public debt and other liabilities.

ASSETS

Recoverable Loans

As at 31 December 2010, the total outstanding balance of Federal Government recoverable loans increased by 12% to RM82,319 million compared to RM73,383 million in 2009.

RM10,415 juta (13%) dari Badan Berkanun, RM196 juta (0.2%) dari Koperasi, RM24,228 juta (29%) dari syarikat, RM26,160 juta (32%) dan RM2,643 juta (3.2%) masing-masing dari pinjaman perseorangan dan pelbagai.

Jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan telah bertambah sebanyak RM1,060 juta atau 8% kepada RM14,282 juta daripada RM13,222 juta pada tahun 2009. Bayaran balik pinjaman pula telah berkurangan sebanyak RM2,998 juta atau 36% kepada RM5,346 juta daripada RM8,344 juta pada tahun 2009.

Bagi tahun 2010, pengeluaran pinjaman yang terbesar (tidak termasuk keluaran pinjaman untuk perseorangan) adalah kepada Badan Berkanun (24%), diikuti oleh Syarikat (18%) dan Kerajaan Negeri (14%). Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut.**

Pelaburan

Pelaburan terdiri daripada pelaburan di dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Pada tahun 2010, pelaburan mencatatkan penurunan sebanyak 0.1% iaitu daripada RM27,751 juta dalam tahun 2009 kepada RM27,723 juta dalam tahun 2010.

Laporan terperinci pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 8(b), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan.**

LIABILITI

Hutang Awam

Bagi tahun 2010, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM407,101 juta, iaitu peningkatan sebanyak 12% berbanding RM362,386 juta pada tahun 2009.

Pinjaman telah meningkat sebanyak RM45,062 juta atau 13% kepada RM399,711 juta daripada RM354,649 juta pada tahun 2009. Manakala, Bantuan Luar Negeri menunjukkan pengurangan sebanyak RM347 juta atau 4% iaitu daripada RM7,737 juta pada tahun 2009 kepada RM7,390 juta pada tahun 2010.

Outstanding balance of recoverable loans owing according to categories were as follows: RM18,170 million (22%) from State Government, RM507 million (0.6%) from Local Authorities, RM10,415 million (13%) from Statutory Bodies, RM196 million (0.2%) from Cooperatives, RM24,228 million (29%) from companies, RM26,160 million (32%) and RM2,643 million (3.2%) from individuals and miscellaneous respectively.

The total Federal Government loans disbursed increased by RM1,060 million or 8% to RM14,282 million from RM13,222 million in 2009. Repayment of loans decreased by RM2,998 million or 36% to RM5,346 million from RM8,344 million in 2009.

*In 2010, out of the total loan disbursed (excluding disbursements to individuals), statutory bodies were the largest loan recipient which accounted for 24%, followed by companies (18%) and State (14%). Detailed report can be referred to **Note 8(a) in the Notes to the Financial Statements and Appendix 3 Statement of Memorandum of Accounts Recoverable Loans.***

Investments

Investments include investments in companies, statutory bodies and foreign agency.

In 2010, investments decreased by 0.1% from RM27,751 million in the year 2009 to RM27,723 million in 2010.

*Detailed report can be referred to **Note 8(b) in the Notes to the Financial Statements and Appendix 4 Statement of Memorandum Account of Investment.***

LIABILITIES

Public Debt

For the year 2010, total Federal Government debt increased by 12% to RM407,101 million as against RM362,386 million in 2009.

Borrowings increased by RM45,062 million or 13% to RM399,711 million from RM354,649 million in 2009. On the contrary, External Assistance recorded a decrease by RM347 million or 4% from RM7,737 million in year 2009 to RM7,390 million in year 2010.

Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) adalah pembiaya terbesar bagi Pinjaman Dalam Negeri iaitu sebanyak 74% sementara baki 26% disumbangkan melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sukuk dan Bil Perbendaharaan (BP).

Dari segi komponen Pinjaman Dalam Negeri yang belum selesai, SKM mencatatkan peningkatan 8% kepada RM260,993 juta berbanding RM242,270 juta pada tahun 2009, manakala pegangan TPK belum selesai mencatatkan peningkatan 23% kepada RM81,500 juta berbanding RM66,000 juta pada tahun 2009. Sukuk juga telah meningkat sebanyak 45% iaitu RM7,143 juta pada tahun 2010 berbanding RM4,910 juta pada tahun 2009 manakala BP belum selesai tidak berubah dan kekal pada RM4,320 juta. Baki Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan meningkat sebanyak 17% iaitu daripada RM31,100 juta pada tahun 2009 kepada RM36,400 juta pada tahun 2010.

Keseluruhan Pinjaman Pasaran Luar Negeri sebanyak RM9,355 juta merupakan Pinjaman Pasaran dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat. Bantuan Luar Negeri berjumlah RM7,390 juta terdiri daripada Pinjaman Multilateral dan Bilateral iaitu sebanyak 11% atau RM787 juta dan 89% atau RM6,603 juta masing-masing. Hutang dari sumber luar negeri belum selesai telah ditukar ke nilai persamaan Ringgit Malaysia pada 31 Disember 2010. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 9(a), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti yang terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat berjumlah RM207 juta dalam tahun 2010 berbanding RM173 juta dalam tahun 2009.

Nota Kena Bayar merupakan nota janji kepada Pertubuhan/Institusi Kewangan Antarabangsa. Nota janji ini akan dibuat pembayaran secara berperingkat mengikut tempoh tertentu sepertimana yang dipersetujui. Sehingga akhir tahun kewangan 2010, baki nota janji yang belum dibayar adalah berjumlah RM171 juta.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 9(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Malaysian Government Securities (MGS) the largest contributor to Domestic Borrowing accounted for 74% and the balance of 26% was funded from Government Investment Issues (GII), Sukuk and Treasury Bills (TB).

As to the components of outstanding Domestic Borrowings, MGS recorded an increase of 8% to RM260,993 million compared to RM242,270 million in year 2009. Outstanding of GII recorded an increase of 23% to RM81,500 million compared to RM66,000 million in 2009. Sukuk also recorded an increase of 45% to RM7,143 million in year 2010 compared to RM4,910 million in year 2009, while outstanding TB remained unchanged at RM4,320 million. Outstanding borrowing for Government Housing Loans Scheme increased by 17% from RM31,100 million in 2009 to RM36,400 million in year 2010.

*Total outstanding External Market loans of RM9,355 million in foreign currencies is represented by US Dollar. From total External Assistance of RM7,390 millions, Multilateral and Bilateral Loans were accounted for 11% or RM787 million and 89% or RM6,603 million respectively. Outstanding debts from external sources were converted to Malaysian Ringgit (RM) equivalent using Central Bank of Malaysia's exchange rates as at 31 December 2010. Detailed report can be referred to **Notes 9 in the Notes to the Financial Statements.***

Other Liabilities

Other Liabilities consist of Notes Payable, Unclaimed Securities and Central Depository Account were RM207 million in 2010 as compared to RM173 million in 2009.

Notes Payable are promissory notes issued to International Financial Institutions/Organisations. Promissory notes are paid periodically as agreed upon by the parties concerned. At the end of the financial year 2010, balance for unpaid promissory notes were RM171 million.

*Detailed report can be referred to **Note 9(b) in the Notes to the Financial Statements.***

Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu.

Liabiliti Luar Jangka pada 31 Disember 2010 adalah pinjaman badan berkanun dan syarikat milik kerajaan yang dijamin Kerajaan Persekutuan berjumlah RM96,907 juta.

Laporan terperinci mengenai Jaminan Berkanun boleh dirujuk kepada **Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun**.

Contingent Liabilities

Contingent Liabilities will become actual government liabilities upon failure of the entities to fulfill their agreement obligation or upon occurrence of specified events.

Contingent Liabilities as at 31 December 2010 in respect of loans taken by statutory bodies and government linked companies guaranteed by the Federal Government were RM96,907 million.

*Detailed report on Statutory Guarantees can be referred to in **Appendix 5, Statement of Memorandum Account of Statutory Guarantees**.*

Sijil Ketua Audit Negara



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**


Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan ini telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2010, hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

31 Mei 2011



Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN



PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM



NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN



Penyata Kewangan

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2010
FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENT 2010

**PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2010.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010.



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan ✓
1 Mac 2011



WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Akauntan Negara Malaysia
1 Mac 2011

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2010

		<u>2010</u>	<u>2009</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	21,573,280,678	27,520,118,474
PELABURAN	4	20,343,238,913	16,015,424,825
		<hr/>	<hr/>
		41,916,519,591	43,535,543,299
		<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	26,068,545,555	8,359,953,459
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	3,984,846,950	23,312,462,754
		<hr/>	<hr/>
		41,916,519,591	43,535,543,299
		<hr/>	<hr/>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	<i>Nota</i>	<u>2010</u>		<u>2009</u>	
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		109,515,185,813		106,504,411,011	
Hasil Bukan Cukai		48,867,434,930		50,789,238,902	
Terimaan Bukan Hasil		793,006,447		1,067,563,070	
Hasil Wilayah-Wilayah Persekutuan		<u>477,335,128</u>	159,652,962,318	<u>278,091,245</u>	158,639,304,228
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		72,735,466,667		106,719,903,344	
Luar Negeri		<u>4,047,250,000</u>	76,782,716,667	<u>-</u>	106,719,903,344
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		117,087,038		74,159,605	
Pinjaman Bilateral		<u>330,740,067</u>	447,827,105	<u>376,653,422</u>	450,813,027
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		784,998,160		518,787,580	
Jualan Aset Modal		73,318		1,340	
Pelbagai Terimaan Modal		30,874,234		2,900,658	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>-</u>	815,945,712	<u>674,481,048</u>	1,196,170,626
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		-		79,183,036	
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		<u>3,262,830,183</u>	3,262,830,183	<u>6,838,257,836</u>	6,917,440,872
Jumlah Terimaan			<u>240,962,281,985</u>		<u>273,923,632,097</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	<i>Nota</i>	<i>2010</i>		<i>2009</i>	
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		46,662,939,934		42,778,266,363	
Perkhidmatan dan Bekalan		23,840,844,635		26,372,131,596	
Aset		1,869,375,321		2,581,505,478	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		78,104,600,235		84,650,079,062	
Perbelanjaan Lain		<u>1,154,849,140</u>	151,632,609,265	<u>684,976,820</u>	157,066,959,319
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		49,096,365,990		45,294,239,672	
Pinjaman		<u>3,695,264,230</u>	52,791,630,220	<u>4,221,115,898</u>	49,515,355,570
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	7	<u>5,012,367,936</u>	5,012,367,936	<u>4,291,992,718</u>	4,291,992,718
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>3,617,286,466</u>	3,617,286,466	<u>-</u>	-
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		31,004,584,571		44,194,308,344	
Luar Negeri		<u>-</u>	31,004,584,571	<u>5,837,534,800</u>	50,031,843,144
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		239,356,767		354,543,416	
Pinjaman Bilateral		<u>591,991,257</u>	831,348,024	<u>544,805,183</u>	899,348,599
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>2,019,293,299</u>	2,019,293,299	<u>-</u>	-
Jumlah Bayaran			<u>246,909,119,781</u>		<u>261,805,499,350</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(5,946,837,796)		12,118,132,747
Wang Tunai Pada 1 Januari			27,520,118,474		15,401,985,727
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>21,573,280,678</u>		<u>27,520,118,474</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	<u>Nota</u>	<u>2010</u>		<u>2009</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	162,131,333,000	159,652,962,318	158,639,304,228
<u>Tolak:</u> Belanja Mengurus	5	149,064,665,100	151,632,609,265	157,066,959,319
LEBIHAN HASIL		13,066,667,900	8,020,353,053	1,572,344,909
<u>Tolak:</u> Belanja Pembangunan	7	56,076,663,806	52,791,630,220	49,515,355,570
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(43,009,995,906)	(44,771,277,167)	(47,943,010,661)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		40,094,611,177	56,239,524,629
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		1,526,473,333	521,689,577
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		3,150,192,657	(8,818,203,545)
JUMLAH PEMBIAYAAN			44,771,277,167	47,943,010,661

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2010

	<u>Nota</u>	<u>2010</u> RM	<u>2009</u> RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		82,319,087,678	73,382,745,119
Pelaburan		27,723,148,058	27,751,414,083
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		407,101,235,939	362,386,171,110
Pelbagai Liabiliti		206,605,049	173,364,115

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2010 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Mulai tahun kewangan 2010, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM5,375,900,000 telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS. Oleh itu bagi tahun 2009, Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM21,070,092,348 telah dinyatakan semula kepada RM26,867,892,348 menjadikan jumlah Wang Tunai tahun 2009 adalah RM27,520,118,474.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2010 RM	2009 RM
Wang Tunai Dalam Bank	21,002,073,584	26,867,892,348
Wang Tunai Dalam Perjalanan	568,719,734	650,154,731
Wang Tunai Dalam Tangan	2,487,360	2,071,395
JUMLAH WANG TUNAI	21,573,280,678	27,520,118,474

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Mulai tahun kewangan 2010, pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang berjumlah RM5,375,900,000 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS. Oleh itu bagi tahun 2009, Deposit Dalam Negeri berjumlah RM12,966,815,811 telah dinyatakan semula kepada RM7,169,015,811 menjadikan jumlah Pelaburan tahun 2009 adalah RM16,015,424,825.

Saham di Pelaburan Am berjumlah RM5,348,248,987 adalah termasuk urus niaga bukan tunai RM710,527,621 yang melibatkan penukaran pinjaman kepada ekuiti dan tidak dinyatakan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai.

Pelaburan pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2010 Nilai Buku		2009 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	2,353,439,585	317,321,584	2,886,603,406	360,950,154
Sekuriti Kerajaan Malaysia	961,563,860	-	772,602,056	-
Saham	784,811	5,348,248,987	784,811	4,582,540,117
Deposit Luar Negeri	504,567,726	49,230,388	207,758,837	33,499,075
Deposit Dalam Negeri	8,155,696,982	2,210,000,000	7,169,015,811	-
Pelbagai	440,714,432	1,670,558	-	1,670,558
<i>Jumlah</i>	12,416,767,396	7,926,471,517	11,036,764,921	4,978,659,904
JUMLAH PELABURAN	20,343,238,913		16,015,424,825	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Semua lebihan hasil tahun semasa dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan kecuali baki terkumpul sebelum tahun 1996 berjumlah RM11,863,127,086.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Perihal	2010			2009	
